

10 DEC 1996

Mahkamah - Lim

KES GUAN ENG DITANGGUH, SAKSI PENGSAH

MELAKA, 10 Dis (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini terpaksa menangguhkan sehingga esok perbicaraan kes Anggota Parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng setelah saksi pembela, Pendek Ahmad, 65, mengadu hendak pitam.

Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah membuat keputusan itu 10 minit selepas perbicaraan disambung semula pada sesi petang, setelah dimaklumkan oleh Pendek bahawa dia berasa hendak pitam.

Pendek adalah nenek kepada gadis bawah umur yang dikaitkan dengan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Cik.

Terdahulu, Pendek pengsan di kandang saksi pada sesi pagi iaitu selepas mahkamah bersidang selama 25 minit. Kejadian berlaku semasa beliau sedang menjawab soalan yang dikemukakan oleh peguam Karpal Singh yang mewakili Lim.

Lim, 36, menghadapi tuduhan menerbitkan risalah bertajuk "Ceramah Kisah Benar" yang mengandungi fakta-fakta palsu berjudul "Mangsa Dipenjarakan".

Sejurus selepas itu, Mohd Noor yang turun untuk melihat keadaan Pendek telah menasihatkan ahli keluarga wanita itu supaya membawanya ke bilik saksi untuk berehat.

Lim yang juga Timbalan Setiausaha Agung DAP didakwa mengikut Seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi tuduhan itu yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Beliau menghadapi tuduhan kedua menghasut orang ramai dalam satu ceramah umum di Hotel Emperor, Jalan Munsyi Abdullah di sini pada 19 Jan tahun lepas dengan mendakwa Malaysia mengamalkan undang-undang "double standard".

Pada ceramah itu, Lim mempertikaikan undang-undang negara setelah Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah membuat pengumuman tidak akan mendakwa Rahim di mahkamah dan bagi tuduhan kedua, beliau dituduh mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948 yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya.

Pada perbicaraan sebelum ini, Lim yang diperintahkan membela diri pada 20 Nov lepas, memberitahu mahkamah bahawa beliau mendapat ilham bagi judul "Mangsa Dipenjarakan" selepas membaca tulisan Marina Mahathir yang bertajuk "Withered Justice" dalam akhbar berbahasa Inggeris The Star pada 9 Nov 1994.

Marina adalah penulis jemputan akhbar berkenaan.

Ketika menjawab soalan Karpal Singh, Pendek berkata, semasa dia berjumpa dengan cucunya di Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada 8 Sept 1994, gadis itu memberitahunya bahawa Rahim telah merogolnya.

"Cucu saya juga menggunakan perkataan dipenjarakan," kata Pendek.

Katanya beberapa anggota polis di Bukit Aman telah memberitahunya bahawa gadis berusia 17 tahun itu "dah kena penjara".

Bagaimanapun ketika ditanya oleh Mohd Noor sama ada beliau mempercayai cakap cucunya itu, Pendek berkata beliau merasakan bahawa apa yang diberitahu oleh cucunya itu adalah tidak benar.

Sebaik menjawab soalan itu, saksi itu memberitahu hakim bahawa dia terasa hendak pitam dan dia terus diusung bersama dengan kerusi yang dia duduki.

Sebelum itu, Pendek juga memberitahu mahkamah bahawa sebelum dapat berjumpa dengan cucunya itu, dia telah membuat satu laporan di Balai Polis Alor Gajah di sini mengenai gadis itu dengan ditemani oleh anaknya dan Lim.

Katanya dia telah berbincang dengan Lim sebelum membuat laporan itu.

Karpal dibantu oleh peguam J.Amardas manakala Timbalan Pendakwa Raya
Mohd Azahar Mohamed dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya Wong Kian Keong.--
BERNAMA

SBB MAI